

ISLAM DI MALAYSIA



- Islam masakini di Malaysia
- Islam Dalam Perlembagaan
- Institusi-institusi Islam (Ekonomi, politik dan sosial)
- Pendekatan pemerintah terhadap Islam
 - ❖ Penerapan nilai-nilai Islam
 - ❖ Masyarakat Madani
 - ❖ Islam Hadhari
 - ❖ Wasatiyyah

AGAMA ISLAM

- ❑ Perlembagaan Malaysia Perkara 3(1) menyatakan agama Islam sebagai agama rasmi negara tetapi agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai.

ISLAM

bahasa

Beserah diri, tunduk dan patuh.

istilah

Berserah,tunduk dan patuh kepada Allah s.w.t dilakukan dengan sukarela.

SEJARAH ISLAM DI MALAYSIA

- Pengkaji tidak dapat menentukan pada kurun berapakah Islam mula disebarluaskan di Asia Tenggara. Ada pendapat menyatakan Islam telah sampai ke Asia Tenggara sejak abad ketujuh masihi lagi. Pendapat ini disebarluaskan kepada catatan dari negeri China yang menyatakan Islam telah diamalkan oleh penduduk Kedah di abad tersebut.
- Terdapat tinggalan sejarah yang boleh dijadikan bukti penerimaan Islam, antaranya penemuan batu nisan bertarikh 1082 di Gersik Jawa. selain dari itu, catatan pengembara juga adalah penting. Menurut Marco Polo Islam telah bertapak di Perlak sejak 1292 masihi manakala Tom Pires berpendapat Aru adalah kawasan pertama yang menerima Islam.
- Kedatangan Islam juga tidak secara serentak dengan itu kedatangan Islam ke sesuatu tempat tidak sama dengan suatu tempat yang lain.

- **Sejarah Acheh** menunjukkan Islam diterima di Sumatera pada sekitar abad ke-12
- Pada 1204, kerajaan di bawah Johan Shah di Sumatera secara rasmi menjadikan Islam sebagai agama.
- **Di Pasai** terdapat catatan bahawa penyebaran Islam telah dilakukan oleh Syeikh Ismail dari Mekah. Pengislaman Pasai menjadikan negeri di sekitarnya seperti Aru dan Lambri menerima Islam.
- **Terengganu** dipercayai telah menerima Islam sejak 1303 berdasarkan penemuan batu bersurat di Kuala Berang.
- **Kepulauan Sulu** menerima Islam sejak abad ke-14 masihi
- **Brunei** menerima Islam hampir sama dengan kesultanan Sulu.
- **Di Jawa**, kegiatan seperti Malik Ibrahim sekitar 1400 masihi telah menjadikan Jawa yang berada di bawah kerajaan Hindu Majapahit menerima Islam.
- **Di Banjarmasin**, Islam dibawa dari Demak. Sultan Demak telah menjalankan kegiatan penyebaran Islam di wilayah ini.
- **Melaka** menerima Islam pada 1414. Penerimaan Islam di Melaka memberi signifikan yang amat besar kerana melaluinya, Islam disebarluaskan secara meluas di Asia Tenggara.

TEORI KEDATANGAN ISLAM KE TANAH MELAYU

- Gujerat berdasarkan catatan Marco Polo pada 1292
- Pantai Koromandel - catatan Ibn Batuta disokong juga oleh T.W. Arnold

a) Islam datang dari India iaitu

b) Islam datang dari Arab dan Parsi.

C) Islam datang dari China

KESAN KEDATANGAN AGAMA ISLAM TERHADAP MASY MELAYU

- Pemikiran
- Sikap
- Sifat

PERUBAHAN DALAMAN -

- Budaya
- Ekonomi
- Politik

PERUBAHAN LUARAN

- Walaupun tidak semua unsur tradisi dikikis

UBAH WORD
VIEW
MASYARAKAT -
ISLAM

- Menghasilkan tamadun berteraskan Islam

Populasi Ummat Islam Di Malaysia

Malaysia adalah masyarakat yang mempunyai pelbagai agama

Islam - agama terbesar yang pengikutnya terbesar ialah orang Melayu selain masyarakat berketurunan India

agama penduduk asal Malaysia Islam mempunyai pengaruh signifikan ke atas sistem sosial masyarakat di Malaysia

Islam dan kehidupan sosial

- Islam menggalakkan kehidupan bersosial seperti berjiran, saling membantu, dan melakukan aktiviti kecuali jika terlibat dengan perkara yang dilarang seperti pergaulan tanpa batas
- Sejak kewujudan masyarakat majmuk - tidak ada masalah dalam hubungan antara masyarakat dan agama kerana Islam dan agama lain saling menghormati kepercayaan masing-masing.
- **Oleh itu Islam yang dianuti harus menjadi asas kepada kehidupan yang diamalkan sejak turun temurun berasaskan 6 rukun iman dan 5 rukun Islam**

Islam dan Ekonomi

- Sejak dari pada awal kegiatan ekonomi seperti perniagaan dan perdagangan di Malaysia dikuasai dan melibatkan orang Islam
- Bagaimanapun ekonomi laissez faire yang diperkenalkan penjajah dan sistem kapitalisme hari ini banyak membataskan kegiatan ekonomi termasuk dalam sistem kewangan
- Dengan sebab itu terdapat usaha untuk mengketengahkan sistem ekonomi Islam dalam masyarakat di Malaysia

Islam dalam politik

- Peranan Islam dalam politik di Malaysia berlaku sejak kedatangan barat yang merombak sedikit institusi beraja..gelaran sultan dan kedudukan sultan kekal dengan imej baru.
- Sultan adalah ketua politik dan agama. Terdapat kitab-kitab yang memberi panduan kepada pemerintah bagaimana harus melaksanakan pemerintahan mereka
- Pada masa kini Islam menjadi elemen yang kuat dalam politik yang mewujudkan persaingan yang kuat dan kadangkala bersifat kompromi terutama dalam politik kepartian dan pentadbiran...pendekatan seperti penerapan nilai Islam, Islam hdhari atau wasatiyah merupakan menifestasi/ mazahir daripada situasi tersebut

Kedudukan Islam Dalam Perlembagaan

- “**Islam adalah agama Persekutuan**; tetapi agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai dalam mana-mana bahagian Persekutuan”
- Kesemua negeri kecuali Melaka, Pulau Pinang dan Sarawak menjadikan Islam sebagai agama Negeri
- Perlembagaan bertulis negeri yang pertama memasukkan Islam sebagai agama Negeri ialah Johor 1895
- **Yang Di Pertuan Agong** menjadi **ketua agama Islam** bagi negerinya sendiri dan bagi Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan
- Undang-undang Islam hanya tertakluk kepada orang Islam sahaja

Pendekatan Pemerintah Terhadap Islam

Penerapan
nilai-nilai
Islam

Masyarakat
Madani


Islam
Hadhari

Wasatiyyah

PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM

Diperkenalkan di bawah pentadbiran
Tun Dr Mahathir

Dua badan yang diamanahkan untuk menggarap dan melaksanakan dasar ini ialah Institiut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Pusat Islam atau kini dikenali sebagai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).



PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM

- ❑ Objektif dasar ini ialah seperti berikut:
 - i) Membentuk sebuah masyarakat Malaysia yang bermaruah, beridentiti, kukuh dan disegani oleh masyarakat lain.
 - (ii) Menubuhkan sebuah negara bahagia.
 - (iii) Menghapuskan sikap yang negatif dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan.
 - (iv) Menghasilkan perkhidmatan yang bermutu.

PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM

Dasar ini dengan jelas menyatakan bahawa ia tidak bertujuan untuk mengislamisasikan rakyat Malaysia yang bukan beragama Islam, sebaliknya memupuk amalan-amalan murni yang boleh diterima oleh semua pihak dan golongan. Bagi tujuan tersebut, sebelas nilai daripada nilai-nilai Islam telah dipilih untuk dijadikan asas kepada dasar penerapan nilai-nilai Islam, iaitu:

- 1) Amanah.
- 2) Tanggungjawab.
- 3) Ikhlas.
- 4) Dedikasi.
- 5) Sederhana.
- 6) Tekun.
- 7) Bersih.
- 8) Berdisiplin.
- 9) Bekerjasama.
- 10) Berbudi Mulia.
- 11) Bersyukur.

Masyarakat Madani

Masyarakat madani dalam Bahasa Inggeris dikaitkan dengan “civil society”. Walau bagaimanapun, jika dilihat dalam konteks yang lebih luas “civil society” ialah konseptual Barat, manakala “masyarakat madani” ialah konseptual Islam yang ternyata berbeza.

Diketengahkan oleh bekas Timbalan PM Malaysia Anwar Ibrahim. Pemikiran tentang masyarakat madani dalam pentadbiran di Malaysia bukan sahaja mempengaruhi masyarakat di Malaysia, bahkan telah direplikasi oleh ramai pemikir di Indonesia sebagai model pembinaan masyarakat. Idea asal konsep masyarakat madani datangnya daripada Profesor Syed Mohd Naquib al-Attas, seorang pemikir berpengaruh di Malaysia. Pengertian Masyarakat Madani merujuk kepada suatu sistem sosial yang subur berdasarkan prinsip moral yang menjamin keseimbangan antara kebebasan individu dengan kestabilan masyarakat.

Islam Hadhari


Makna Hadhari

- Hadhari berasal dari **hadharah** yg bermaksud **kemajuan dan peradaban**.
- Islam Hadhari membawa maksud “**yg bertamadun**” iaitu Islam yg menekankan aspek tamadun.
- Islam Hadhari menumpukan **pembangunan masyarakat ke arah peningkatan mutu kehidupan dari sudut keilmuan, pembangunan fizikal, ekonomi dan kewangan, kesihatan dsb**
- Islam menekankan konsep kehidupan cemerlang dan bermutu, seimbang, pembangunan yg menjurus kpd pembinaan peradaban serta memenuhi tuntutan rohani dan jasmani.

PENDEKATAN ISLAM HADHARI

- Takrif Islam Hadhari secara lengkap:

“Suatu pendekatan pembangunan manusia, masyarakat dan negara Malaysia yang bersifat menyeluruh, berdasarkan kepada perspektif tamadun Islam.”



Pendekatan Islam Hadhari diperkenalkan dlm merangka pelbagai agenda pembangunan selaras dgn tuntutan Islam melalui pendekatan seimbang dalam aspek spiritual, ekonomi, pendidikan, kemasy, undg2

10 Prinsip Pendekatan Islam Hadhari




Wasatiyyah



- Diperkenalkan dalam era pentadbiran PM Dato Sri Najib Tun Razak
- Pemikiran awal tentang wasatiyyah berkembang daripada gerakan ke arah kesederhanaan yang wujud dalam kalangan negara-negara Islam sebagai manifestasi daripada peristiwa 11/9/2001 yang telah memberi imej negatif kepada umat Islam yang dikaitkan dengan keganasan.
- Wasatiyyah berasal daripada perkataan **al-wasat**. Daripada perkataan al-wasat terbitnya perkataan al-awsat yang bererti yang paling sederhana. Perkataan lain yang menyamai maknanya di dalam Bahasa Arab ialah al-iktidal, yang bererti tidak melampau dan ekstrim, tidak rigid (ketat) dan tidak longgar (cuai) (Abdullah Md Zin, 2013).

GRAPHIC REPRESENTATION OF THE CONCEPT



THE STRUCTURE OF AL-WASATIYYAH





Kemesraan
dalam
berkomunikasi

Menghormati
jiran

Aplikasi
hubungan etnik
dalam
kehidupan
masyarakat

Budaya ziarah
menziarahi

Memulia dan
menghormati
seseorang

Mengambil
berat dan
mengambil tahu

Kesimpulan

- Agama bukan sahaja pegangan kerohanian tetapi juga menjadi faktor penentu jati diri sesuatu kaum.
- Perkongsian harmoni antara semua agama dalam sesuatu kaum merupakan asas kukuh dalam membina masyarakat bersepadu.
- Pendekatan Islam Hadhari merupakan ant usaha utk menyatupadukan masy berbilang kaum
- Pendekatan Islam Hadhari sentiasa sesuai dalam konteks hidup bermasyarakat.

